



PEMAKLUMAN AM NO. 1/2020

PANDUAN PENGENDALIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SERTA PENILAIAN BAGI PROGRAM PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH OLEH PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI AWAM SEMASA WABAK COVID 19.

Latar Belakang

1. Majlis Akreditasi Perancangan Bandar Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM) mengambil maklum bahawa wabak Covid 19 sedang menular di Malaysia dan seluruh dunia. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan di seluruh negara bermula dari 18 Mac sehingga 14 April 2020 (sehingga setakat ini).
2. Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) telah mula melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) secara atas talian (*on-line*) dan pendidikan jarak jauh (PJJ) bagi memastikan semester 2 2019/2020 dapat diteruskan dan berjalan lancar. Terdapat PPT yang telah membuat keputusan bahawa kaedah P&P secara atas talian dan PJJ ini diteruskan sehingga berakhirnya semester ini walaupun tempoh PKP yang berakhir pada 14 April 2020 tidak dilanjutkan kelak.
3. Panduan ini dikeluarkan sebagai rujukan kepada PPT Awam dan Politeknik yang menawarkan program Perancangan Bandar dan Wilayah dan telah mendapat akreditasi dari LPBM dalam melaksanakan P&P dan penilaian program masing-masing bagi semester Mac-Julai 2020 (semester 2 2019/2020) sahaja.

Panduan Umum

4. Panduan ini adalah bersifat nasihat (*advisory*) kepada PPT bagi program Perancangan Bandar dan Wilayah dan **perlu dibaca bersama** arahan dan ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa termasuklah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Pengurusan Tertinggi Universiti/Politeknik dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
5. Majlis Akreditasi LPBM memberikan kebenaran, fleksibiliti dan autonomi kepada PPT bagi melaksanakan P&P program Perancangan Bandar dan Wilayah daripada pertemuan secara bersemuka kepada pembelajaran secara alternatif seperti kaedah secara atas talian sepenuhnya, atau kombinasi atas talian dan PJJ atau kombinasi lain yang difikirkan sesuai termasuk pembentangan bersemuka (*crit session*) di penghujung semester. Fleksibiliti ini adalah kerana terdapat kursus-kursus yang berbeza dalam program Perancangan Bandar dan Wilayah seperti projek studio yang bersifat berkumpulan, berskala besar dan berpaksikan pelajar (*student-centric*) serta kursus konvensional berasaskan syarahan.

Pengajaran dan Pembelajaran

6. Bagi kursus konvensional yang berbentuk syarahan, P&P dan penilaian boleh dijalankan tanpa pelajar perlu kembali ke kampus pada semester ini. Ini termasuklah menggantikan peperiksaan akhir dengan penilaian berterusan (*continuous assessment*) seperti peperiksaan dalam talian, kuiz atau kerja kursus tambahan.
7. Bagi projek studio perancangan, pelajar boleh meneruskan P&P dari lokasi masing-masing di luar kampus dengan dipantau oleh tenaga pengajar secara berterusan. Semua projek studio digalakkan untuk diadakan pembentangan (*crit session*) oleh pelajar sekurang-kurangnya sekali di penghujung semester sama ada secara bersemuka, atas talian, rakaman video atau cara lain yang bersesuaian mengikut ketetapan fakulti dan PPT masing-masing. Pembentangan ini memastikan Hasil Pembelajaran Kursus atau *Course Learning Outcome* (CLO) projek studio tersebut tercapai.
8. Projek studio boleh menggunakan data sekunder sahaja sekiranya data primer tidak tersedia disebabkan kekangan PKP. Sekiranya projek studio tidak dapat disiapkan dalam tempoh 14 minggu seperti mana kebiasaan disebabkan lawatan tapak terpaksa ditangguhkan selepas PKP, PPT boleh memanjangkan

tempoh projek studio sehingga sebelum semester akan datang (Semester 1 2020/21) bermula. Ianya bergantung kepada kelulusan PPT masing-masing. Ini untuk memastikan semua pelajar boleh bergraduasi dalam masa yang ditetapkan iaitu lapan (8) semester.

9. PPT perlu menggunakan kebijaksanaan masing-masing dalam memastikan P&P yang dijalankan dapat memenuhi Hasil Pembelajaran Kursus tersebut (*Course Learning Outcome-CLO*) di samping mematuhi arahan pengurusan PPT serta memastikan semua pelajar mendapat akses sebaik mungkin sama ada bagi kursus konvensional mahupun projek studio. Disebabkan terdapat segelintir pelajar yang mungkin mempunyai masalah akses kepada talian internet, PPT perlu mengamalkan prinsip fleksibiliti dan empati dari segi P&P dan penilaian setiap kursus. Ini termasuklah memastikan pelajar yang tidak dapat mengikuti P&P secara atas talian mendapat material yang sama, sama ada melalui rakaman syarahan yang dihantar melalui media lain seperti whatsapp/telegram atau cara teknologi mudah (*low tech*) yang lain.
10. Tempoh Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time-SLT*) sekiranya telah memenuhi sekurang-kurangnya 70 peratus daripada SLT asal di dalam silibus boleh dianggap telah memenuhi keperluan minimum bagi semester ini. Ianya perlu dilihat bersama CLO.
11. PPT dinasihatkan untuk merekod dan mengemas kini sebarang tindakan dan langkah sementara yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh PKP ini (atau lain-lain perintah seumpamanya selepas itu) dari semasa ke semasa.

Latihan Industri

12. Bagi Latihan Industri, PPT dibenarkan mengguna pakai fleksibiliti pelaksanaan mengikut keperluan dan situasi semasa. Sekiranya keadaan tidak mengizinkan, pelajar yang telah memenuhi sekurang-kurangnya 70 peratus masa praktikal di firma atau agensi boleh diambil kira telah memenuhi syarat minima Latihan Industri. Pelajar juga dibenarkan untuk menjalani Latihan Industri melalui mod Bekerja dari Rumah (BDR) semasa tempoh PKP berkuatkuasa.
13. Sekiranya masa 70 peratus tersebut tidak tercapai, PPT dibenarkan untuk mencari alternatif terbaik seperti menyambung semula Latihan Industri semasa cuti pertengahan semester di semester akan datang atau memberi tugas berkaitan Latihan Industri yang dapat membantu pelajar mencapai CLO kursus tersebut.
14. Latihan Industri sekurang-kurangnya 70 peratus ini juga boleh dipanjangkan kepada Latihan Industri semester 2 dan 3 2019/2020. Sekiranya terdapat

kekangan lain, PPT boleh menangguhkan Latihan Industri ke suatu tarikh lain atau mencari alternatif lain yang lebih sesuai.

Parameter Silibus

15. PPT digalakkan untuk mengikut parameter silibus program sedia ada, hanya mod P&P dan penilaian yang berubah daripada cara bersemuka kepada P&P atas talian sepenuhnya atau kombinasi atas talian dan PJJ atau kombinasi atas talian, PJJ dan krit bersemuka (untuk projek studio tertentu) mengikut kesesuaian kursus. Pertukaran penilaian dari Gred A - F kepada Lulus/Gagal walau pun tidak digalakkan untuk projek studio, namun masih dibenarkan bagi semua kursus termasuk projek studio bergantung kepada keperluan dan kesesuaian PPT.
16. Sebarang perubahan parameter silibus kursus dan penilaian perlu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Akademik Fakulti masing-masing dan hendaklah dimaklumkan kepada Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, PPT boleh menghubungi Majlis Akreditasi Perancangan Bandar LPBM melalui e-mel **lembagaperancang@gmail.com** untuk maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



TPI HAJI IHSAN BIN ZAINAL MOKHTAR

Pengerusi

Majlis Akreditasi Perancangan Bandar
Lembaga Perancang Bandar Malaysia

31 Mac 2020